



PROGRAM BAUCAR RM75

PERLINDUNGAN
tenang
MAMPU & MUDAH

Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik

Dengan kerjasama



Bayaran RM5 untuk penebusan Baucar PTV RM75 mulai 15 Julai 2022



1. Mengapa saya perlu membayar RM5 untuk tebus baucar PTV?



Supaya saya tahu sepenuhnya tentang polisi/sijil saya



Supaya saya faham akan manfaat polisi/sijil yang saya beli/sertai



Supaya tiada pihak ketiga yang boleh mengambil kesempatan ke atas polisi/sijil saya



Untuk mengesahkan persetujuan saya sebelum mengambil bahagian di dalam polisi/sijil Perlindungan Tenang



2. Bila saya perlu membayar dan bagaimanakah caranya?

Bayar secara tunai atau atas talian semasa menebus baucar/membeli produk PTV (dalam talian atau dikaunter).
Dapatkan resit rasmi dari syarikat insurans atau pengendali takaful anda.

Berikut adalah beberapa contoh situasi untuk rujukan:

Situasi	Premium/Caruman (RM)	Jumlah (Bayaran oleh penerima BKM) Min RM5 premium/caruman	Jumlah (Bayaran menggunakan PTV) Min RM75 premium/caruman
1	50	5	45
2	75	5	70
3	80	5	75
4	100	25	75



3. Adakah saya perlu membuat bayaran minimum RM5 jika premium/sumbangan kurang dari RM75?

Ya. Bayaran permulaan minimum mandatori RM5 adalah wajib dan ianya adalah sebahagian daripada bayaran premium/caruman.



4. Langkah-langkah untuk menebus Baucar PTV:



1. Semak kelayakan anda di portal www.myptv.my



2. Pilih produk yang sesuai dengan keperluan anda di www.mycoverage.my dan fahami manfaatnya.



3. Buat bayaran permulaan minimum mandatori RM5 secara tunai atau atas talian semasa membeli/ menyertai mana-mana produk Perlindungan Tenang. Pastikan anda bersetuju untuk membeli/menyertai mana-mana produk Perlindungan Tenang.



4. Dapatkan salinan polisi/sijil anda untuk rujukan dan resit bayaran RM5 untuk simpanan.



5. Akhir sekali, nikmati manfaat skim Perlindungan Tenang untuk menjamin perlindungan kewangan buat anda dan orang tersayang.

Nota:

Anda dinasihatkan agar tidak membatalkan polisi/sijil anda bagi memastikan anda dilindungi sekiranya berlaku perkara tidak dingini. Walaubagaimana pun, jika polisi/sijil tidak menepati keperluan anda, ia masih boleh dibatalkan dalam tempoh 15 hari (tempoh 'free-look' sekiranya berkaitan) daripada tarikh penerimaan polisi/sijil.

Sebarang pertanyaan, e-mel kepada enquiries@malaysiantakaful.com.my, pic@piam.org.my atau ptv@liam.org.my

Semakan Kelayakan dan Penebusan Baucar PTV di : www.myPTV.my

Maklumat lanjut mengenai produk-produk Perlindungan Tenang di : www.mycoverage.my

Pusat Panggilan PTV (Isnin – Jumaat, 8am- 6pm sahaja) [03-7723 9333](tel:03-7723 9333)